

Lemah kefahaman umat Islam mundur

KUALA LUMPUR 24 Mac — Kefahaman yang lemah terhadap agama Islam yang sebenar bukan sahaja telah menyebabkan umat Islam terbahagi kepada ratusan mazhab, kumpulan, tarikat dan sebagainya tetapi telah menjadikan mereka mundur dan lemah, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, oleh kerana umat Islam kebanyakannya tidak mampu memahami ajaran agama Islam dengan hanya membaca Al-Quran dan Hadis sama ada dalam bahasa Arab atau bahasa lain, jadi sesiapa sahaja yang dianggap mampu mentafsir ajaran agama akan diterima sebagai pengajar dan pentafsir.

"Sementara kebanyakan daripada mereka ini adalah orang yang ikhlas dan tidak berkepentingan, terdapat juga ramai yang mengambil peluang daripada kelemah-

an pengetahuan umat Islam biasa untuk membuat berbagai-bagai tafsiran atau mencari pengaruh.

"Dengan itu bukan sahaja terdapat ajaran karut berkembang, tetapi akidah ramai umat Islam terancam dan mungkin menyeleweng," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap merasmikan bangunan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini, hari ini.

Sekular

Selain daripada itu, kata Perdana Menteri, pengajaran bahawa ilmu selain daripada yang bersangkutan dengan agama adalah sekular dan tidak perlu bahkan ditegah daripada dipelajari oleh orang Islam juga telah menyebabkan hampir semua umat Islam ketinggalan zaman, lemah dan tertindas.

"Jika tidak kerana kemunculan beberapa tokoh Islam yang berjaya menghidupkan semula semangat umat Islam, penjajahan terhadap negara-negara Islam mungkin kekal sehingga sekarang," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, masalah umat Islam berpunca daripada kefahaman dan perbezaan kefahaman berkenaan ajaran agama Islam di kalangan penganut agama Islam dan juga di kalangan orang bukan Islam.

"Sepatutnya orang Islam dengan orang Islam tidak bersengketa dan bermusuhan-musuhan, tetapi hakikatnya ialah mereka sering bersengketa sesama sendiri, bahkan berperang sesama sendiri walaupun agama menegaskan bahawa orang Islam adalah bersaudara," jelas beliau.